

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 46 RABU 18 NOBEMBER 1970 1390 رابو 18 رمضان PERCHUMA

JHEU susun ranchangan hadapai tahun 1971

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengetua Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja, Dato Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin telah menyatakan bahawa Jabatan Hal-Ehwal Ugama sedang menyusun ranchangan2nya bagi menempoh tahun 1971 ini.

Beliau telah tidak menyebutkan butir2 ranchangan itu, tetapi mensifatkan ranchangan2 itu sa-bagai menjunjong hasrat dan chita2 D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan agar Islam di-jadikan suatu chara hidup yang lengkap dan sempurna di-negeri ini.

Ini telah di-nyatakan beliau dalam ucapan-nya ketika merasmikan pembukaan sambutan Nuzul Al-Quran yang berlangsung di-Lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin pada malam hari Isnin, 16 Nobember lepas.

Beliau telah juga menyebut kembali tentang sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang menekankan bahawa untuk memelihara kerasmian Ugama Islam itu hendaklah di-sertai dengan susunan dasar dan ranchangan2 yang teratur dan melaksanakan-nya dengan sa-bepara rapi yang boleh.

"Pada menjunjong untuk melaksanakan kerasmian dan hasrat yang suchi itu serta bertanggungjawab untuk berusaha pada peringkat pelaksanaan-nya, maka JHEU menerima bebanan yang maha berat," ujar beliau.

Sungguh pun begitu, tegas beliau, Kerajaan D.Y.M.M., khasnya JHEU dan Majlis Ugama Islam akan berusaha dengan tidak kendur2nya ka-arrah itu semata2 untuk menjunjong keredhaan Allah dan berbakti dengan jujurnya menabur kebajikan kepada rakyat dan penduduk serta isi di-dalam Negeri Brunei Darussalam yang terchinta ini.

MASALAH JEMAAH HAJI YANG TERKANDAS

Pengetua Hal-Ehwal Ugama itu juga telah menyebutkan tentang perkembangan2 yang berlaku terhadap peristiwa yang menyebabkan beberapa orang dari jemaah2 haji Brunei pada tahun lalu telah

terkandas dari menunaikan fardhu haji di-sebabkan serangan wabak kolera ka-negeri ini pada tahun lepas.

Menurut beliau, usaha2 yang tidak putus2 telah di-laksanakan supaya bakal2 haji yang terkandas itu dapat menunaikan fardhu haji pada tahun ini.

Untuk maksud itu kata beliau, maka persetujuan telah di-chapai supaya semua pehak yang berkenaan termasuk sharikat penerbangan yang terlibat telah sama2 menanggung kerugian.

Dengan yang demikian, maka Jemaah Penasihat Haji Brunei mendapati kekurangan sa-banyak hampir2 \$7,000.00 untuk membolehkan jemaah2 haji yang terkandas itu menunaikan haji pada tahun ini.

Bagi mendapatkan wang sa-jumlah itu, maka jemaah penasihat haji bersejajut supaya di-lancarkan kutipan derma dari orang ramai khasnya Umat Islam di-negeri ini bagi menolong saudara2 mereka yang terkandas itu supaya dapat menunaikan haji tahun ini.

Oleh itu, Pengetua Hal-Ehwal Ugama itu menyeru Umat Islam, khasnya orang2 yang berada supaya dapat mengulorkan derma sa-ikhlas2nya sa-baik saja ahli2 jemaah penasihat haji Negeri Brunei melancarkan kutipan derma tersebut dalam masa yang tidak lama lagi.

Turut berucap dalam majlis itu ia-lah Timbalan Pengerusi Majlis, Awang Yahya bin Haji Ibrahim yang antara lain telah menekankan tentang betapa perlu-nya di-laksanakan iktihar2 yang berkesan untuk menanamkan semangat beragama di-kalangan Umat Islam negeri ini.

(Lihat muka 8)



Ketua Jurutera ka-seminar talikom

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Jurutera Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Awang N. J. A. Frigout telah berlepas ka-Kuala Lumpur hari Isnin lepas untuk menghadiri Seminar Kesatuan Talikom Antara-bangsa — ITU.

Seminar yang bermula semalam akan di-adakan selama 10 hari.

Thema seminar ia-lah aspek2 teknikal mengenai penyiaran.

Perwakilan dari 24 buah negara yang menjadi ahli Kesatuan Penyiaran Asia — ABU, termasuk Brunei mengambil bahagian dalam seminar yang di-adakan di-Kuala Lumpur itu.

SATU angkatan tiga buah kapal Tentera Laut Di-Raja British telah tiba di-Brunei untuk lawatan selama lapan hari ka-negeri ini.

Angkatan yang mengandungi dua buah kapal penyapu periok api — HMS Maxton dan HMS Hubbertson serta sa-buah kapal pembantu Gold Ranger itu ada-lah di-bawah arahan Kommander J.F. Glennie.

Sa-masa berada di-sini Kommander Glennie telah mengadap Duli Yang Teramat Mulia Timbalan Sultan di-Istana Darul Hana, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu.

Dalam kunjungan itu Kommander Glennie telah menghadiahkan lambang kapal HMS Maxton kepada Duli Yang Teramat Mulia Timbalan Sultan.

Terdahulu sa-belum itu, Kommander Glennie telah mengunjongi Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

Dalam kedua2 kunjungan itu, Kommander Glennie telah di-iringi oleh Pemangku Surohanjaya Tinggi British, Awang J.E.T. Throne.

Gambar di-atas menunjukkan Duli Yang Teramat Mulia Timbalan Sultan sedang menerima lambang yang telah di-hadiahkan oleh Kommander Glennie. Sedang memerhati di-sebelah kanan ia-lah Awang J.E.T. Throne.

Larangan membakar merchun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pehak pulis telah memberi amaran kepada orang ramai supaya jangan membakar merchun.

Sa-orang juruchakap pulis menyatakan bahawa oleh kerana Undang2 Dharurat maseh di-kuatkuasakan di-negeri ini, membakar merchun atau lain2

bahan letupan ada-lah menjadi satu kesalahan.

Kata-nya ada-lah menjadi satu kesalahan bagi sa-seorang menjual atau membeli bahan2 tersebut.

Beliau juga menasihatkan orang ramai supaya jangan bermain bedil buloh kerana ia-nya boleh menchederakan dan boleh membakar rumah.

KEBUN HUTAN DI-SUNGAI LIANG SESUAI UNTUK MEMPELAJARI JENIS2 KAYU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hutan telah menjadikan hutan simpanan-nya seluas 85 ekar di-berat Jalan Sungai Liang/Labi kira2 1½ batu dari simpang Jalan Tutong-Seria sa-buah kebun hutan.

Pemelihara Hutan, Awang I.P. Tamworth ketika menyatakan perkara ini berkata, kebun hutan itu akan mengadakan tempat yang baik sekali bagi mereka yang ingin hendak mempelajari tentang jenis2 kayu di-Brunei.

Awang Tamworth berkata, sa-banyak lebeh dari 200 jenis pokok telah

di-berinama dan di-letakkan berhampiran dengan pokok2 itu.

Selain dari itu semua jenis pokok yang penting di-segi perniagaan di-Brunei yang tidak di-dapati di-tempat itu telah di-tanam di-tempat2 yang sesuai dalam kebun pohon2an.

Penerangan berkenaan dengan tempat pokok2 itu boleh di-dapati di-Tempat Pemeriksa Hutan yang berhampiran.

Bagi menolong memudahkan lagi pengkajian ka-atas pokok2 kayu di-Brunei, dua buah buku ada di-jual di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

Buku2 itu ia-lah **'Dipterocarps of the State of Brunei'** oleh Dr. Ashton dan **'A Check List of Brunei Trees'** oleh Hasan Pukul dan P.S. Ashton.

Awang Tamworth berkata, kebun hutan itu juga akan mengadakan tempat penghiburan bagi orang ramai.

Bagi tujuan ini jalan2 kecil telah di-bena. Jalan2 itu mempunyai papan2 tanda.


Pondok2 dan tempat2 berteduh telah di-dirikan bagi orang2 yang datang berkelah di-tempat itu.

Dari dua di-antara pondok2 itu boleh kelihatan pemandangan yang indah kawasan2 di-sekitar-nya.

Kakitangan Jabatan Hutan telah menghapuskan semua sarang2 lebah.

Awang Tamworth berkata, ha-nya binatang liar di-tempat itu ia-lah monyet.

Beliau menyeru orang ramai supaya melawat taman itu.



Gambar2 kiri dan bawah ini ia-lah beberapa kemudahan yang telah di-sediakan oleh Jabatan Hutan.



Perkhidmatan talipon bertambah tahun ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Talikom telah memasang lebeh dari sa-ribu buah talipon tambahan dalam negeri ini pada tahun ini.

Daripada jumlah itu, 182 talipon telah di-pasang di-Kuala Belait, dan 115 lagi di-kawasan Seria.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Talikom berkata, tambahan besar bagi tahun ini, ia-lah di-Bandar Seri Begawan, yang mana dapat dilakukan, kerana siap-nya ranchangan saloran dan lobang, kira2 empat bulan lebeh awal dari yang di-jadualkan.

Juruchakap itu berkata, kebal2 telah di-pasang dalam saloran itu, ka-beberapa bahagian bandar itu, dalam tahun ini.

Orang2 yang memerlukan perkhidmatan talipon di-kawasan bandaran tidak payah lagi menunggu lebeh lama. Permohonan2 akan di-layan dalam masa sa-

minggu atau lebeh, bergantung kepada banyak-nya kerja memasang talipon, yang di-jalankan oleh jabatan itu.

Dengan siap-nya jambatan Kianggeh nanti, kebal bawah tanah, akan di-perluaskan ka-kawasan di-seberang sungai itu, dan perkhidmatan yang tidak terhad boleh di-dapati oleh pendu-

dok2 di-kawasan itu, yang ingin hendak mendapat talipon.

Angka yang menunjukkan lebeh dari sa-ribu talipon tambahan, yang sedang di-gunakan di-negeri ini, sekarang bererti bahawa tambahan peratus bagi tahun 1970, ia-lah lebeh dari 30 peratus.

Dalam tahun 1969, tambahan ada-lah 29.8 peratus.

Pembinaan jambatan siap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pembinaan sa-buah jambatan di-Sungai Kedayan telah siap dengan perbelanjaan sa-banyak \$14,000.00.

Sa-orang juruchakap bagi Pejabat Daerah Brunei-Muara, berkata, jambatan itu telah di-bena oleh Jabatan Kerja Raya dengan wang yang diberikan oleh Pejabat Daerah Brunei-Muara.

Juruchakap itu berkata, jambatan, sa-panjang 75 kaki

itu, menghubungkan Kampong Pengiran Bendahara Lama, Kampong Pengiran Kerma Indera Lama, Kampong Pengiran Tajuddin Hitam, Kampong Tamoi Tengah, dan Tamoi Ujong.

Jambatan2, biasa-nya menghubungkan sa-buah kampong, dengan yang lain, di-kampong itu, dan penduduk2 kampong itu, menggunakan perahu untok ka-darat.

171 orang chalon masuk pereksa trengkas, menaip

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 171 orang chalon akan mengambil peperiksaan trengkas dan menaip dalam bulan depan.

Peperiksaan yang di-anjorkan oleh Institute Trengkas Melayu Malaysia, akan di-adakan dalam tiga peringkat — permulaan, menengah dan tertinggi.

Ia-nya, akan di-adakan di-Sekolah Melayu Puser Ulak di-Bandar Seri Begawan dan di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin di-Kuala Belait.

Sa-ramai 84 orang chalon akan mengambil peperiksaan trengkas — 50 orang bagi peringkat permulaan, 18 menengah, dan enam belas tertinggi.

Dalam peperiksaan menaip, 30 orang chalon akan mengambil peringkat permulaan, 30 orang menengah, dan 19 orang peringkat lanjutan.

Peperiksaan trengkas dan menaip akan di-adakan pada 11 Disember.

Sementara itu, tiga orang chalon akan mengambil peperiksaan juru trengkas, dua bagi peringkat rendah, dan sa-orang tinggi.

Sa-orang chalon akan mengambil peperiksaan menyimpan kira2.

Peperiksaan itu, akan di-adakan pada 13 Disember.

PUASA ada-lah salah satu sendi Uagama Islam yang mesti kita kerjakan sa-tahun sekali dengan penoh ke-sungguhan dan kejujuran hati semata2 hanya-lah kerana Allah Subahanahu-wataala jua. Kerana akan sia2-lah segala amal ibadat kita itu, kalau tidak kita kerjakan dengan penoh kejujuran dan keikhlasan hati. Kerana kejujuran dan keikhlasan hati ada-lah menjadi syarat kepada satu2 ibadat.

Sendi atau rukun ibadat bukan-lah di-katakan keseluruhan-nya bergantung kuat kepada ketabahan serta kesabaran hati sa-seorang dari melanggar larangan Allah Subahanahu-wataala sepanjang2 siang hari. Maka dengan sebab itu-lah para ulama Islam berpendapat bahawa ibadat puasa ada-lah satu2-nya ibadat yang paling jujur, suatu ibadat yang menghubungkan antara mahlok akhlak-nya. Tegas-nya ibadat puasa ada-lah satu2-nya ibadat yang bergantung semata2 kepada kejujuran dan keikhlasan hati.

Puasa — ia-itu salah satu rukun Islam yang lima, hendak-lah di-kerjakan dengan menurut syarat2-nya, rukun2-nya serta adab tertib-nya.

Mengerjakan ibadat puasa dengan menurut segala syarat2 dan rukun2 serta adab tertib-nya, baru-lah ibadat puasa itu sempurna di-amalkan. Maka selagi ibadat puasa itu di-kerjakan dengan tidak menurut kehendak2 yang di-tetapkan oleh shara', sudah tentu-lah orang yang berpuasa seperti ini hanya akan menerima kelaparan dan dahaga sahaja.

Menurut maksud sa-buah hadith bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda bahawasanya puasa ia-lah sa-bagai pendinding daripada api neraka, maka barang siapa yang berpuasa jangan-lah ia mengeluarkan perkataan yang tidak

PUASA SA-BAGAI PENDINDING DARIPADA API NERAKA

KHUTBAH JUMA'AT

"IBADAT PUASA YANG DI-TUNAIKAN DENGAN TIDAK MENURUT SHARAT2 DAN RUKUN2-NYA, HANYA AKAN MENIMPAKAN KA-ATAS DIRI KITA LAPAR DAN DAHAGA."

senunoh atau mengerjakan perbuatan2 yang di-larang dan jangan-lah ia membuat sa-suatu perkara seperti perbuatan orang2 yang jahil dan sekira-nya sa-seorang lain mengeluarkan perkataan yang tidak senunoh kepada-nya, jangan-lah di-balas, bahkan hendak-lah ia berkata bahawasanya akan sedang berpuasa.

Di-dalam sa-buah hadith yang lain, Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

"Barang siapa berpuasa pada satu hari semata2 dengan niat yang suci dan ikhlas kerana Allah Taala, maka Allah akan menjadikan parit sa-bagai jarak pemisah antara orang yang berpuasa dengan neraka, yang mana luas-nya jarak itu seperti langit dengan bumi".

Oleh itu hendak-lah diambil perhatian bahawasanya menunaikan fardhu puasa

ada-lah satu ibadat yang menjadi salah satu rukun di-dalam uagama kita. Menunaikan puasa bukan-lah sahaja berarti meninggalkan makan dan minum, bahkan kita hendak-lah juga meninggalkan ta'biat2 yang tidak baik, seperti berchakap bohong, mengumpat dan lain2 lagi, kerana ada-lah di-takuti ibadat puasa yang kita tunaikan itu, kalau tidak menurut syarat2 dan rukun2-nya dan juga adab sopan-nya, hanya akan menimpakan ka-atas diri kita lapar dan dahaga, sedangkan ibadat itu tidak di-terima oleh Tuhan, maka perkara seperti ini patut-lah di-jauhkan.

Oleh itu, ini-lah di-serukan semoga hendak-nya kita umat Islam mengambil peluang dengan sungguh2 bagi mendekatkan diri kepada Allah dengan mengerjakan surohan-nya dan menjauhi larangan-nya. Semoga hidup kita akan sentiasa di-berkatikan oleh Tuhan dan kita akan terjumlah daripada orang2 yang akan mengisi shorga. Amin ya rabul alamin.

Bakal2 haji bertolak pada 2 Dis.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai hampir2 200 orang bakal haji akan berlepas ka-Mekah dengan kapal laut pada 2 Disember, 1970.

Bakal2 haji itu akan di-bawa ka-Labuan dengan beberapa buah kapal kerajaan dan dari sana mereka akan menaiki kapal haji Anshun yang akan membawa mereka ka-Jeddah.

Mereka di-jadualkan pulang ka-tanah ayer dalam bulan April 1971 sa-telah menunaikan fardhu haji.

Sementara itu, lebih dari 200 orang bakal haji yang lain akan berlepas dengan kapal terbang pada 6 Januari, 1971.

Penuntut2 Uagama berchuti di-tanah ayer

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 28 orang penuntut2 Uagama Brunei, yang belajar di-Kota Baharu, Kelantan dan Trengganu, telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lalu, kerana chuti dalam bulan puasa.

Sembilan orang dari penuntut2 itu, dari Kota Baharu, Kelantan, dan 19 orang lagi dari Trengganu.

Sementara itu, lapan orang lagi penuntut2 uagama, yang lain-nya, akan tiba di-Brunei, pada 30 Nohember ini, dua orang dari Kolej Islam Klang, dan enam orang dari Kolej Islam, Petaling Jaya.

Wakil2 Brunei ka-pertandingan membacha Quran di-K.L.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang qari dan sa-orang qariah telah berlepas ka-Malaysia Barat minggu lalu untuk mewakili Brunei dalam pertandingan membacha Quran Antara Bangsa di-Kuala Lumpur.

Mereka ia-lah Awang Abu Bakar bin Haji Paun, Awang Mukim bin Haji Hassan dan Dayang Rasiah binte Jumahat.

Awang Abu Bakar dan Awang Mukim ia-lah johan dan naib-johan qari dalam pertandingan membacha Quran peringkat seluruh negeri yang telah di-adakan dalam bulan lepas sementara Dayang Rasiah ia-lah johan qariah.

Qari2 dan qariah itu telah di-sertai oleh Awang Abdul Saman bin Kahar, sa-bagai ketua rombongan, Awang Metussin bin Timbang sa-bagai wakil Jabatan Hal Ehwal Uagama dan Pengiran Hajjah Umi binte Pengiran Idrus.

Pertandingan membacha Quran itu akan berlangsung selama tiga malam berturut2 di-Stadium Merdeka di-Kuala Lumpur.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah merasmikan pertandingan tersebut pada malam semalam.

Sa-banyak 13 negara mengambil bahagian dalam pertandingan pada tahun ini.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 18 Nob. 1970 hingga ka-hari Selasa 24 Nob. 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
18 Nob.	12-12	3-30	6-08	7-22	4-35	4-50	6-07	
19 Nob.	12-12	3-30	6-08	7-22	4-35	4-50	6-07	
20 Nob.	12-12	3-30	6-08	7-22	4-35	4-50	6-07	
21 Nob.	12-12	3-31	6-09	7-23	4-37	4-52	6-08	
22 Nob.	12-12	3-31	6-09	7-23	4-37	4-52	6-08	
23 Nob.	12-12	3-31	6-09	7-23	4-37	4-52	6-08	
24 Nob.	12-12	3-31	6-09	7-23	4-37	4-52	6-08	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



18hb, Nohember, 1970.

GELAGAT BELIA

LAPORAN singkat yang di-siarkan di-muka tengah ke-luaran minggu ini telah me-bawakan perasaan2 yang amat mengagumkan kita, khas-nya berlaku-nya suasana itu ada-lah bersebab menjelang hari raya.

Kita telah menjalankan pe-ninjauan sendiri di-kawasan bandar2 khas-nya pada sa-belah petang yang pada waktu2 itu orang ramai berpusu2 mem-banjiri kedai2 dan pusa2 mem-beli belah sama ada untuk membeli kain baju untuk lelaki dan perempuan serta kanak2, mahupun lain2 peralatan sa-perti chuchul, achuan2 kueh mneh dan sa-umapama-nya.

Di-antara berbagai2 perasaan kita yang timbul ia-lah kegembiraan kita melihat keghira-han saudara2 kita berbelanja dan kejijikan kita melihat gelagat sa-bilangan kecil belia2 kita yang menyusupkan diri di-chelah2 kesebukan orang ramai membeli-belah yang kebanyak-an-nya terdiri dari gadis2 be-lasan tahun.

Kita ingin memberikan sedi-kit pandangan terhadap ke-ghairahan saudara2 kita berbe-lanja yang kebanyakan-nya ber-pendapat bahawa keadaan de-mikian hanya di-lakukan sa-tahun sekali, dan, "mendulur rasa kanak2". Kebajikan-nya pada sikap ini yang jelas-nya ia-lah orang2 kita telah dapat mengekalkan imej sa-bagai orang2 yang bertimbang rasa dan bertanggung-jawab terha-dap keluarga untuk sama2 me-nikmati hari bahagia yang di-nanti2kan itu. Pindek-nya, ma-ka dapat-lah di-tunaikan nanti pada hari raya itu sa-bagai hari melupakan segala2-nya, tetapi hanya bersuka-ria sahaja. Wa-laupun demikian, keburukan-nya juga ada. Membeli-belah dengan chara yang demikian — chara yang berhabis2an — ti-dak akan dapat meningkatkan taraf hidup kita dan tidak akan dapat mengubah sikap kita ter-hadap hidup yang berarti untuk di-tanamkan kepada anak2.

Tentang gelagat sa-bilangan kecil belia2 kita (mungkin belia2 belasan tahun) yang sengahja menyusup2kan diri mereka di-chelah2 kesebukan membeli-belah yang antara-nya terdapat gadis2 belasan tahun juga, maka jika benar mereka bukan bertujuan untuk mem-beli2, tetapi hanya sekadar un-tok mencari "keseronokan" ada-lah satu perkara yang da-pat di-katakan "sudah timbul penyakit bisul" dalam masha-rakat. Bila sudah hal ini men-jadi satu tabiat dan akan menu-lar kepada bilangan yang lebeh besar lagi, maka akan timbul pula gelagat2 yang lebeh menyakitkan mata memandang. Akan timbul angkatan2 peng-ganggu ketenteraman orang ra-mai. Kita fikir bahawa gelagat itu bukan asli tumbuh-nya dari orang2 kita yang memang ter-kenal dengan peradaban yang tinggi. Hal ini ada-lah kejaya-an pengaruh2 dari kelakuan2 yang tidak senunoh dari luar, baik dengan melalui pembacha-an, mahupun lakuan2 di-layar perak, khas-nya lakuan2 yang mengesahkan keruntuhan mo-ral yang terjadi di-mana2. Un-tok mengatasi perkara ini, ti-dak ada jalan lain sa-lain dari pengawasan2 yang tertentu, ter-masuk para ibu bapa. Bisul ini perlu di-pecahkan, supaya sa-kit-nya tidak berpanjangan.



Pada awal bulan puasa, ikan bagitu payah di-perolehi, tetapi masa ini ikan semakin menchurah2, chuma yang maseh payah di-perolehi ia-lah udang dan lain2 ikan yang baik2. Kelihatan dalam gambar di-atas, orang ramai sedang memilih ikan2 yang di-gemari mereka. Bagini-lah suasana di-pasar ikan pada masa ini.



Hari pertama puasa di-ishtiharkan, maka 'CHINDUL' menjadi tumpuan hebat dari orang ramai. Dalam sa-kelip mata saja, beberapa belanga besar yang berisikan chindul lichen langsung dan pelayan2-nya bagitu sebok menunaikan kehendak orang ramai. Tetapi keadaan pada masa ini sudah berubah — tidak lagi.



Hari Tamu (Khamis dan Jumaat) menjadikan orang ramai merasa lega, kerana dengan tamu mereka sekurang2-nya boleh mendapatkan bahan2 keperluan seperti sayur2, ubi2, asam2, ikan2 kering tempatan dan belachan. Kelihatan gambar atas ketika kesebukan di-tamu.

SUASANA SEMAKIN SEBOK

DI-BANDAR2 di-seluruh negeri ini telah menjadi tumpuan orang ra-mai yang beragama Islam yang mem-banjiri kedai2, pasar2 dan tempat2 membeli-belah.

Di-sepanjang bulan ini ada-lah merupakan bulan yang ternyata paling menyebokkan bukan hanya di-kalangan penduduk2 yang beragama Islam, tetapi juga pekedai2, penjual2 barang2 keperluan seperti ikan, sayur-mayor, buah2an, kueh mneh dan lain2 lagi.

Kesebukan ini tidak lain dari yang biasa terdapat apabila tiba bu-lan Ramadhan dan menjelang-nya bu-lan Shawal. Bulan Ramadhan menyu-roh Umat Islam menunaikan ibadah puasa yang menjadi salah satu rukun Islam yang lima, sementara bulan Shawal, maka Umat Islam akan men-jalani hari raya, hari gembira atau hari kejayaan sa-telah sa-bulan ber-lapar di-siang hari kerana berpuasa.

Kesebukan2 semakin memunchak apabila hari2 berpuasa semakin menu-run. Dari hari ini, chuma tinggal 12 hari saja lagi hari raya akan tiba. Dalam jangka waktu itu, masa sema-kin suntok sedangkan persediaan2 un-tok menyambut ketibaan hari bahagia itu maseh ada yang belum chukup lagi. Mata bagitu galak menyuroti ke-liling2 rumah, dari anjong hingga ka-dapor untuk melihat benda2 yang per-lu di-adakan dalam hari raya nanti. Bagi orang yang berkemampuan, maka mana2 yang di-rasakan maseh kurang, akan segera berkejar ka-kedai atau pusat2 membeli-belah untuk menda-patkan-nya. Lampu2 chuchul, sejak beberapa hari yang lalu, sudah mula

terbentang di-kedai2 untok di-iklan-kan kepada pembeli2. Tak lama sa-lepas itu, benda tersebut sudah tidak kelihatan lagi terbentang, kerana pe-kedai2 sa-olak2 tidak berkesempatan membentangkan-nya lagi kerana se-bok.

Di-sebalek keadaan yang berde-dat2 itu, tidak semua-nya yang mem-beli. Sa-bahagian kecil belia2 belas-an tahun, keluar masok dengan tangan yang kosong.

Kedai2 kain juga paling ramai di-kunjongi. Sa-lain untok di-buat baju, alas meja, chadar, maka kain2 untok lengsir jendela dan pintu juga amat laris. Bagitu juga dengan bahan2 ra-muan untok kueh mneh, achuan2 dan sa-umpama-nya, hampir2 sa-tiap suri2 rumah tangga apabila pulang dari membeli-belah akan kelihatan mem-bimbit benda2 tersebut.

Tahun ini, agak-nya ada-lah me-rupakan tahun kanak2 berhari raya dengan semeriah2-nya, kerana hampir sa-tiap bapa atau ibu, mengunjongi kedai2 pakaian, paling ramai ia-lah untok mendapatkan pakaian kanak2. Bahkan, kadang2 kelihatan bapa atau ibu sa-olah2 di-serang kebingongan kerana tidak berjaya mendapatkan baju atau seluar yang tepat ukur-an-nya untok anak2 mereka. Bagitu juga ada yang pening kepala untok men-dapatkan kasut budak2. Suasana ke-dapangan seperti ini-lah yang menyeb-bakkan kawasan kedai2, khas-nya di-Bandar Seri Begawan semakin sebok yang sa-olah2 kita menyaksikan Ban-dar Seri Begawan seperti sa-buah pu-sat membeli-belah yang paling meng-kagumkan.



Dalam gambar ini, sa-orang kaum ibu sedang memilih sayur2 yang di-sukai untok keluarga-nya. Kita dapat juga melihat sayur2 tempatan yang sangat di-minati ramai, seperti bayam, bago, serai, jagong, asam jelayan, daun ubi dan macham2 lagi. Dari sini juga sudah semakin kelihatan kemahuan orang2 kita mencheborkan diri di-lapangan perniagaan.



Dalam bulan puasa ini, keadaan bekalan sayur2an amat berkurangan. Orang ramai yang memerlukan-nya, tetapi tidak memperolehi-nya — hanya merungut bagitu saja. Gambar atas menunjukkan orang ramai sebok membeli sayur yang baru tiba di-pasar.



Menunggu bedok berbunyi, hidangan di-depan sedang menanti. Bagini-lah keadaan meriah yang terdapat di-Mesjid Hassanah Bolkiah Tutong.



Kain — sama ada untok pakaian, mahupun untok alas meja dan lengsir (tabir jendela) merupakan bahan utama yang menjadi sasaran orang ramai, khas-nya kaum ibu bagi persediaan menyambut Hari Raya tahun ini.

APA YANG WAJIB DI-ZAKAT?

APA-KAH perkara2 yang wajib di-zakat oleh orang2 Islam di-negeri ini dan bagaimana chara mengeluarkan-nya?

Perkara yang wajib di-zakat ia-lah seperti berikut:

1. TUMBOH2AN

Padi kalau di-ketam berjumlah 376 gantang atau lebih dan beras atau jagong atau kacang atau kacang gadong ia-lah kalau berjumlah 187½ gantang.

ZAKAT-NYA:

- (a) Kalau di-ayeri oleh hujan zakat-nya 10% (sa-puluh peratus) daripada jumlah-nya atau harga-nya. Mithal-nya padi 375 gantang, zakat-nya ia-lah 37½ gantang atau harga beras itu kalau di-jual atau di-beli semula oleh orang yang mengeluarkan zakat tadi. Dan kalau beras ia-lah 187½ gantang yang berarti zakat-nya ia-lah sa-banyak 18½ gantang.

- (b) Kalau di-ayeri dengan tenaga atau dengan belanja seperti terkena membuat tali ayer sendiri atau terkena-lah mengambil ayer dari tempat jauh maka zakat-nya hanya-lah sa-banyak 5% (lima peratus) sahaja, ia-itu di-kurangkan dari jumlah di-atas tadi.

2. HARTA PERNIAGAAN

Harta perniagaan termasuk-lah barang2 yang ada di-dalam simpanan dan wang tunai sama ada dalam tangan atau di-simpan dalam bank dan hutang2 yang boleh di-dapatkan daripada para pembeli atau yang berhutang, maka jika harta perniagaan itu berjumlah sa-banyak \$86.28 atau lebih maka terkena-lah zakat sa-banyak 2½% (dua sa-tengah peratus), jikalau harta itu semua-nya berjumlah \$1,000.00 (sa-ribu ringgit) mithal-nya, maka terkena-lah zakat-nya 2½% ia-itu \$25.00 (dua puluh lima ringgit) dan demikian-lah sa-terusnya.

3. BINATANG2 TERNAKAN

Binatang2 ternakan yang terkena zakat di-negeri ini ia-lah kerbau, lembu (sapi) dan kambing sahaja.

Maka jikalau kerbau atau lembu itu berjumlah sa-banyak 29 ekor atau pun lebih maka terkena-nya zakat. Ada pun kambing maka jikalau berjumlah 39 ekor semua-nya atau pun lebih maka terkena-lah zakat.

Ada pun mengenai zakat-nya itu ada-lah terlalu panjang untuk di-terangkan disini, maka 'amil2 di-tempat

tuan akan menerangkan chara2 mengeluarkan-nya dan jumlah zakat-nya sa-chara2 terang dan betul serta mudah.

4. HARTA YANG DI-SIMPAN

- (a) Dalam perkara barang2 emas kalau berat-nya 20 mithqal ia-itu bersamaan 2 ounce 25 gram atau lebih, maka terkena-lah zakat-nya 2½% (dua sa-tengah peratus) daripada emas itu atau harga-nya kalau dapat di-jual, (dalam masa ini boleh di-kirakan harga 20 mithqal itu dalam \$86.28 juga maka zakat-nya ia-lah seperti kadar harta perniagaan juga kechuali kalau harga emas itu berubah mahal dan murah, maka zakat emas akan berubah pula dari masa ka-masa).

- (b) Dalam perkara perak kalau berat-nya 200 dirham ia-itu bersamaan dengan 20:0640 ounce, maka terkena-lah zakat sa-banyak 2½% (dua sa-tengah peratus) daripada perak itu atau harga-nya (anggaran harga perak pada masa ini sa-banyak 200 dirham ada-lah kurang lebih \$86.28 juga) dan zakat-nya ada-lah seperti yang tersebut di-atas.

- (c) Dalam perkara wang simpanan termasuk saham (share) bond2, dan sa-umpama - nya berjumlah sa-banyak \$86.28 atau lebih, maka zakat-nya 2½% (dua sa-tengah peratus) juga, ia-itu sama seperti zakat harga perniagaan tadi.

KAPADA SIAPA DI-BERIKAN

Kapada siapa-kah hasil yang di-punggut itu nanti di-berikan?

Supaya jangan terjadi salah sangka, maka hendak-lah di-ingat bahawa memang kadang2 sa-orang itu tiba2 akan

- **DALAM** dua keluaran yang lepas telah di-terangkan tentang tujuan umum Zakat dan Fitrah dan bagaimana pungutan Zakat dan Fitrah itu di-laksanakan. Dalam keluaran minggu ini — ia-itu yang terakhir akan di-terangkan pula apa yang wajib di-zakat dan siapa yang berhak menerima zakat itu.

ZAKAT DAN FITRAH DI-NEGERI BRUNEI

mendapati bahawa fitrah yang di-keluarkan itu pada masa dahulu tidak betul oleh sebab kurang pengetahuan. Oleh sebab itu dengan ada-nya Majlis Ugama Islam memungut Zakat dan Fitrah, maka hal2 ini mungkin tidak berlaku.

Di-bawah ini ia-lah orang2 yang berhak bagi menerima Zakat dan Fitrah:—

1. **ORANG FAKIR:** Ia-lah orang yang papa yang tiada mempunyai apa2 mata pencharian atau harta atau orang yang tiada boleh mengadakan sa-tengeh daripada keperluan untuk nafkah-nya dan nafkah orang2 yang di-bawah tanggungan-nya.
2. **ORANG MISKIN:** Orang yang melarat yang sunggoh pun mempunyai sedikit harta atau mata pencharian, tetapi chuma dapat mengadakan lebih sedikit daripada keperluan nafkah-nya dan orang yang di-bawah tanggungan-nya.
3. **'AMIL (pengutip Zakat):** Orang yang bertugas untuk mengendalikan Zakat dan Fitrah, seperti imam atau siap2 yang di-lantek untuk kerja2 itu.
4. **MUALAF:** Ia-itu orang2 yang baharu masuk Islam dan iman-nya maseh lemah.
5. **PENANGGONG HUTANG:** Ia-itu orang2 yang berhutang sa-chara yang di-luluskan oleh hukum shara'.
6. **IBNI SABIL:** Ia - itu orang2 yang merantau dengan tujuan kebajikan yang berkehendakkan pertolongan.
7. **HAMBA dan TENTERA BERJUANG FI SABILILLAH:** Kedua-nya ini tiada dalam negeri ini pada masa sekarang, oleh sebab itu maka Zakat dan Fitrah hanya di-bahagikan kapada enam jenis asnaf yang ada dalam negeri.

KALAU TIDAK ADA ORANG YANG TERIMA

Bagaimana-kah kalau hasil pungutan Zakat dan Fitrah dalam sa-suatu kampung itu tidak ada orang yang akan menerima-nya, boleh-kah di-berikan kapada orang yang lain sa-lain daripada orang kampung?

TIDAK BOLEH! Kerana tidak ada sa-orang pun yang boleh mengeluarkan Zakat dan Fitrah di-kawasan lain sa-lain daripada kawasan-nya dan jika pungutan itu tidak ada orang2 yang akan menerima-nya, maka kerajaan-lah atau raja yang akan berkuasa untuk membuat langkah2 lanjut bagi kegunaan lain2 kawasan2 atau lain2 perkara yang berkebakikan untuk seluruh umat Islam.

KALAU DI-TUNTUT LEBEH

Bagaimana-kah kalau saya di-tuntut membayar Fitrah atau Zakat lebih daripada yang patut di-bayar?

Tuan boleh membuat bantahan kapada Majlis Ugama melalui Kadzi Daerah tuan, tetapi bantahan itu mesti-lah di-sampaikan dalam masa 30 hari dan dengan keterangan yang penoh mengenai apa2 yang salah di-taksirkan itu.

Tetapi kalau bantahan itu belum berjawab sa-telah 30 hari itu hendak-lah tuntutan itu di-bayar dahulu, kemudian sa-telah ada jawapan mengenai bantahan tuan2 itu bahu-lah dapat di-selesaikan, kalau bantahan tuan itu betul, maka wang tuan akan di-kembalikan semula. Tetapi kalau tidak betul, maka bantahan itu tidak akan di-layan. Dan kalau tuan tidak membantah sa-lama 30 hari itu maka berarti terkena membayar apa yang tertuntut itu sa-penoh-nya.

KEMUSKILAN

Apa2 kemuskilan yang tuan hendak ketahui maka silakan-lah bertanya kapada 'amil di-kawasan tuan.



Pepereksaan bahasa Jepun dan China

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 35 orang chalun akan mengambil pepereksaan bahasa Jepun dan China dalam bulan depan.

Dua puluh orang dari mereka akan mengambil pepereksaan bahasa Jepun yang akan di-adakan di-Maktab Anthony Abell, Seria pada 7 dan 8 Disember 1970.

Sa-ramai 15 orang yang lain-nya akan mengambil pepereksaan bahasa China pada 8 dan 9 Disember di-Sekolah Melayu Puser Ulak, Bandar Seri Begawan.

IBU PEJABAT PENGAKAP

Gambar atas menunjukkan dua dari tiga buah bangunan dalam kompleks Ibu Pejabat Pengakap Negeri Brunei yang sekarang ini sedang dalam pembenaan, di-Jalan Gadong dekat Bandar Seri Begawan.

Pembenaan kompleks yang mengandungi dua buah blok asrama dan sa-buah dewan yang boleh menampung kira2 250 orang itu telah di-mulakan awal tahun ini dan ia-nya di-jadualkan siap menjelang tahun hadapan.

Perbelanjaan membena bangunan tersebut di-taksirkan menelan belanja kira2 \$119,000.00.

Pameran lukisan2 batek

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Benedict Chong, sa-orang pelukis batek dari Sabah akan mempamerkan karya2-nya di-Balai Pameran, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan selama tiga hari mulai 27 Nohember.

Lebeh dari 40 buah keping lukisan batek akan di-pamerkan. Ini ada-lah buat pertama kali-nya Awang Chong mem-

pameran lukisan2-nya di-neri ini. Awal tahun ini beliau telah mempamerkan lukisan2-nya di-Hong Kong dan Kota Kinabalu.

Pameran ini di-kelelakan oleh Persatuan Orang2 Muda Christian Sabah (YMCA) dan Awang Chong datang ka-sini di-temani oleh Yang Di-Per-tua persatuan tersebut, Awang C.B. Tsien.

Jawatan2 Kosong Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 yang berikut di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Hanya pemohon2 yang tinggal berdekatan dengan masjid2 ini di-kehendaki memohon:-

- a) **IMAM** — (1 jawatan)
Bagi Masjid Utama Mo-hamad Salleh, Pekan Bangar, Temburong.
- b) **KHATIB** — (1 jawatan)
Bagi Masjid Utama Mo-hamad Salleh, Pekan Bangar, Temburong.
- c) **BILAL** — (1 jawatan)
Bagi Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kelayakan2:

- a) Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 45 tahun.
- b) Mesti-lah mahir dalam bacaan Al-Quran dan mengetahui hukum2 Ugama Islam.
- c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kifayah bila2 masa di-kehendaki.
- d) Pemohon2 mesti-lah bersedia memasoki pepereksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

- Dalam sukatan gaji —
- (a) **IMAM** — U.4 — \$260x10-520.
- (b) **KHATIB** — U.3 — \$220x10-430.
- (c) **BILAL** — U.2 — \$200x10-400.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Nohember, 1970.

Sa-bagai Pemereksa Buroh

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan Pemereksa Buroh di-Jabatan Buroh, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu dan Form IV Ingeris, dan sekurang2-nya telah berkhidmat selama 5 tahun dengan Kerajaan; tetapi mereka yang mempunyai pengalaman bekerja di-sebuah Jabatan Buroh akan juga di-pertimbangkan. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai sijil menunjokkan salah satu mata-pelajaran-nya ia lulus dalam bahasa Melayu, atau sekurang2-nya boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan chekap.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$660x30-900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Nohember, 1970.

Sa-bagai Pekerja Kebajikan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pekerja Kebajikan di-Jabatan Kebajikan Masha-rakat, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 35 tahun dan telah lulus sekurang2-nya Form II Ingeris atau tammat Darjah VII Sekolah Melayu.

Gaji:


Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB 4 — \$210x10-270x15-360x20-480/EB/500x20-620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 21 Nohember, 1970.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim





Pg Perdana Wazir sa-bagai Lt. Col. Kehormat AMDB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohd. Bolkiah telah di-kurniakan Tauliah Kehormat sa-bagai "Leftenan Colonel" dalam pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei mulai 1 Nohember, 1970.

Pengurniaan tauliah kehormat itu ada-lah atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan dengan persetujuan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin yang menjadi Colonel-in-Chief bagi pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Pegawai Pemerintah AMDB, Dato Setia, Colonel J.J.H. Simpson di-samping menjunjung perlantekan itu telah juga mensifatkan-nya sa-bagai satu penghormatan yang besar kepada pasukan itu.

Beliau berkata bahawa perlantekan itu akan mengeratkan lagi pertalian yang telah sedia terjalin di-antara keluarga Di-Raja dan pasukan

AMDB dengan perantaraan Colonel-in-Chief.

Dato Setia Colonel Simpson menegaskan bahawa ada-lah menjadi harapan pasukan AMDB supaya Leftenan Colonel, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohd. Bolkiah akan mengambil perhatian yang rapat dalam kerja2 kebajikan dan latehan pasukan itu dari sa-hari ka-sa-hari.

Pepereksaan kerani2 rendah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pepereksaan kerani2 rendah bagi tingkatan 'A' dan 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 'Am akan di-adakan pada 30 dan 31 Disember, 1970.

Chalun2 yang hendak memasuki pepereksaan itu adalah di-kehendaki menghantar nama2 mereka kepada Pegawai Perjawatan dengan secepat-berapa segera.

Permohonan2 yang mesti

Pegawai Kebajikan Haji Kehormat di-kehendaki

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei sekarang mempelawa permohonan2 untuk menjadi Pegawai Kebajikan Kehormat dalam kapal terbang pada musim haji tahun 1390/1971.

Sa-buah kenyataan yang di-terbitkan oleh jabatan itu menyatakan pemohon2 mesti-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan yang beragama Islam dan hendak-lah berkhidmat dengan kerajaan tidak kurang dari lima tahun.

Sa-orang pemohon mesti-lah berumur di-antara 25 hingga 50 tahun.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang chekap dalam melaksanakan sebarang urusan kebajikan dan boleh memberi sharahan2. Tahu berbahasa Inggeris atau Arab ada-lah juga menjadi satu keutamaan.

Pemohon2 yang di-pileh mesti-lah sanggup bertugas dari Brunei hingga pulang katanah ayer, sama ada dalam penerbangan mahu pun berada di-tanah suci.

Pihak sharikat penerbangan akan menyediakan tiket kapal terbang pergi dan balek, manakala kerajaan akan memberikan alau sara hidup mengikut kadar yang di-berikan oleh kerajaan pada masa ini semasa pegawai ini menjalankan perkerjaan-nya. Tempat tinggal semasa berada di-Jeddah, Mekah, Medinah, Mena dan Arfah hendak-lah di-uruskan oleh pegawai itu sendiri.

Pemohonan2 yang di-hantar melalui ketua2 pejabat hendak-lah sampai kepada Pengerua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 29 Nohember, 1970.

1,169 chalun sedang mengambil pepereksaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 1,169 orang chalun, termasuk 384 orang chalun persendirian, sedang mengambil pepereksaan bersama Sijil Persekolahan Seberang Laut, Sijil Perlanjajaran Malaysia, dan Sijil Pelajaran 'Am.

Pepereksaan itu, yang telah bermula pada 22 Oktober, sedang di-adakan, di-tujuh buah pusat — empat di-Bandar Seri Begawan, dan tiga di-Seria.

Sa-ramai 597 orang chalun, sedang menduduki pepereksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut dan Sijil Pelajaran Malaysia, sementara 572 orang chalun, mengambil pepereksaan Sijil Pelajaran Malaysia, dalam bahasa Melayu.

Pepereksaan itu, akan berakhir pada 2 Disember.

Kommander J.F. Glennie dari kapal penyapu periok api HMS Maxton dan kapal pembantu Gold Ranger ketika menemui Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail (membelakangi kamera) di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan pada hari Sabtu.

Pemerintah Glennie dalam pertemuan itu telah di-temani oleh Pemangku Ketua Surohan-jaya British, Awang J.E.T. Throne (di-sebelah kiri). Di-kanan sekali ia-lah Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Paduka Awang Matnor Me-Afee.

Sementara gambar bawah menunjukkan Pemangku Menteri Besar sedang di-alu2kan oleh Pemerintah kapal tersebut ketika Yang Amat Mulia itu melawat ka-kapal tersebut di-tambahan Kastam Di-Raja. Turut serta dalam kunjungan itu ia-lah Pemangku S.U.K., Dato Paduka Awang Matnor Me-Afee (di-sebelah kiri).

SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN

(Dari muka 1)

Sebab itu, kata-nya, majlis seperti sambutan Nuzul Al-Quran itu ada-lah penting di-hadiri demi untuk memupok kesedaran kita umat Islam terhadap agama yang di-redhai Allah itu.

Kemunchak dari sambutan Nuzul Al-Quran itu ia-lah persembahan "tatto di-ayer" atas cherita dari perjuangan pahlawan Islam "Tariq bin Ziad" bagi menakluki Sepanyol dan penumpaskan kekejaman yang di-lakukan oleh orang Sepanyol.

Majlis itu telah juga di-isikan dengan peraduan menghapadz ayat2 Al-Quran yang di-ambil bahagian oleh peserta2 yang mewakili Daerah Brunei dan Muara, Belait, Tutong dan Temburong.

Umat Islam, khas-nya dari Bandar Seri Begawan telah membanjiri kawasan Lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin untuk menyaksikan pertunjukan2 sambutan Nuzul Al-Quran itu.

di-hantar melalui Ketua2 Jabatan hendak-lah sampai kepada pejabat perjawatan tidak lewat dari 26 Nohember, 1970.

Chalun2 hendak-lah menyatakan dengan terang mengenai lantekan, kelayakan pelajaran, umur dan gaji mereka sekarang. Mereka yang akan mengambil satu perkara ada-lah di-kehendaki menyatakan perkara yang akan di-ambil-nya itu.